

Kandungan

Maklumat Umum

Aksesori yang dibekalkan	140
Membersihkan cakera	140
Penetapan	140

Sambungan Asas

Langkah 1: Meletakkan speaker dan AVsubwoofer	141
Langkah 2: Menyambung subwoofer dan speaker hadapan	142
Langkah 3: Menyambung TV	143
Pilihan 1: Menggunakan bicu S-Video	143
Pilihan 2: Menggunakan bicu Video Komposit (CVBS)	143
Pilihan 4: Menyambung kepada sebuah TV Skan Progresif (<i>tidak wajib</i>)	144
Langkah 5: Sambungkan antena FM/MW	144
Langkah 6: Menyambung kod kuasa	145

Menyambung ke Peranti Luaran

Menyambung VCR atau Kotak Satelit/ Kabel	146
Menonton dan mendengar kepada mainan semula	146
Menggunakan VCR untuk merakam mainan semula DVD	146
Menyambung alat audio digital	147
Mendengar mainan semula	147

Alat kawalan jauh

Unit Utama

Memulakan

Langkah 1: Masukkan bateri ke dalam alat kawalan jauh	151
Menggunakan alat kawalan jauh untuk menggunakan sistem	151
Langkah 2: Membuka sistem DVD	151
Menukar kepada mod sedia Eco Power	151
Langkah 3: Menetapkan TV	151
Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja)	152
Memilih sistem warna yang sepadan	153
Menetapkan Paparan TV	153
Langkah 4: Menetapkan pilihan bahasa	154
Bahasa paparan di skrin (OSD)	154
Bahasa menu Audio, Sarikata dan Cakera	154

Operasi Cakera

Cakera yang boleh dimainkan	155
Cakera yang dimainkan	155
Mod sedia Auto Eco Power	156
Kawalan asas mainan semua	156
Memilih pelbagai fungsi ulang/kocok	156
Operasi lain untuk mainan semula video (DVD/VCD/SVCD)	157
Menggunakan Menu Cakera	157
Melihat maklumat mainan semula	157
Maju mengikut bingkai	158
Menyambung mainan semula dari titik berhenti yang terakhir	158
Zoom masuk	158
Menukar bahasa trek bunyi	158
Menukar bahasa sarikata (DVD sahaja)	158
Fungsi pranonton (VCD sahaja)	159
Memainkan cakera MP3/Windows™ Media Audio/JPEG/MPEG-4	160
Memainkan musik MP3 dan gambar JPEG serentak	160
Memainkan cakera gambar (pertunjukan slaid)	161
Fungsi Pranonton	161
Zoom gambar	161
Memutar/Menterbalikkan gambar	161
Menyokong format gambar JPEG	161
Memainkan CD Super Audio (SACD)	162
Memainkan cakera DivX	162
Memainkan cakera Karaoke	163
Menetapkan Mikrofon	163

Kandungan

Pilihan Menu Penetapan DVD

Mengakses Muka Penetapan Umum	164
Mengunci/Membuka kunci cakera untuk tontonan	164
Memalapkan panel paparan sistem	164
Memprogram trek cakera (bukan untuk CD Gambar/MP3/SACD)	165
Bahasa OSD	165
Penjimat Skrin – buka/tutup	166
Kod pendaftaran DivX®VOD	166
Mengakses Muka Penetapan Audio	167
Volum Speaker/Kelewatan Speaker	167
Mod Malam – buka/tutup	167
CD Upsampling	167
Mengakses Muka Penetapan Video	168
Jenis TV	168
Paparannya TV	168
Ciri Progresif – buka/tutup	168
Penetapan Gambar	169
Mengakses Muka Keutamaan	170
Menu Audio, Sarikata, Cakera	170
Membataskan mainan semula oleh Kawalan Ibubapa	170~171
PBC	171
Menu MP3/JPEG – buka/tutup	171
Menukar Kata Laluan	172
Menetapkan fon Sarikata DivX	172
Mengekalkan semula penetapan asal	172

Fungsi Lain

Menetapkan pemasa Tidur	173
-------------------------------	-----

Operasi Penala

Menala ke stesyen radio	174
Pratetap stesyen radio	174
Menggunakan Pasang Palam dan Main	174
Pratetap secara automatik	175
Pratetap secara manual	175
Memilih stesyen radio pratetap	175
Memadam stesen radio pra tetap	175
Menukar grid penalaan	175

Kawalan Bunyi dan Volum

Pelarasan volum speaker individu	176
Memilih bunyi sekeliling	177
Memilih kesan bunyi digital	177
Kawalan Volum	177

Menyelesaikan masalah

Glosari	180 - 181
---------------	-----------

Spesifikasi	182
-------------------	-----

Kod Bahasa	183
------------------	-----

Maklumat Umum

Aksesori yang dibekalkan

Kabel video komposit (kuning)



Kabel audio (merah/putih)




Antena wayar FM



Antena loop MW



Alat kawalan jauh dan dua bateri (12nc: 3139 258 70101)



Bahasa Melayu

Membersihkan cakera

Untuk membersihkan cakera, gunakan kain pembersih berserat mikro dan lapkan cakera dari tengah hingga ke tepi dalam satu garisan yang lurus.

AWAS!

Jangan gunakan pelarut seperti benzin, pencair, pembersih yang terdapat secara komersial, atau penyembur anti statik yang bertujuan untuk cakera.

Oleh kerana unit optik (laser) perakam sistem DVD ini beroperasi pada kuasa yang lebih tinggi daripada pemain DVD atau CD biasa, CD pembersih yang bertujuan untuk pemain CD atau DVD boleh merosakkan unit optiknya (laser). Oleh itu, elak daripada menggunakan CD pembersih.


Penetapan

Mencari lokasi yang sesuai

- Letakkan set tersebut di atas permukaan yang rata, keras dan stabil. Jangan letakkan di atas permaidani.
- Jangan posisikan set ini di atas peralatan lain yang mungkin akan memanaskannya (misalnya penerima atau amplifier).
- Jangan letakkan apa-apa di bawah set ini (misalnya CD, majalah).

Ruang untuk pengedaran udara


- Letakkan alat di lokasi yang mempunyai pengedaran udara yang mencukupi bagi mengelakkan pembentukan haba dalaman. Berikan ruang sekurang-kurangnya 10 sm (4.5") dari bahagian belakang dan atas set ini dan 5 sm (2.3") dari bahagian tepi dan kanan untuk mencegahnya daripada menjadi terlalu panas.



Elak suhu yang tinggi, kelembapan, air dan habuk

- Alat ini tidak boleh didedahkan kepada titisan atau renjisan air.
- Jangan letakkan sebarang punca bahaya kepada alat ini (misalnya objek beris cecair, lilin menyala).

Langkah 1: Meletakkan speaker dan AVsubwoofer



Untuk bunyi sekeliling yang terbaik, semua speaker (kecuali subwoofer) harus diletakkan pada jarak yang sama dari posisi mendengar.


- 1 Letakkan speaker hadapan kiri dan kanan pada jarak yang sama dari TV dan pada sudut lebih kurang 45 darjah dari posisi mendengar.
- 2 Letakkan speaker tengah di atas TV atau sistem DVD supaya bunyi saluran tengah diletakkan.
- 3 Letakkan speaker belakang pada paras telinga mendengar yang biasa, menghadap satu sama lain atau gantung di dinding.
- 4 Letakkan subwoofer di atas lantai berdekatan dengan TV.

Panduan Berguna:

- Untuk mengelak gangguan magnetik, jangan letakkan speaker hadapan terlalu dekat dengan TV anda.
- Benarkan udara beredar di sekeliling sistem DVD.

Sambungan Asas (bersambung)

Langkah 2: Menyambung subwoofer dan speaker hadapan




Sambungkan sistem speaker ke belakang sistem DVD dengan kabel speaker yang siap dipasang, padankan warna-warna bicu dan kabel speaker tersebut.

Panduan Berguna:

- Pastikan kabel speaker disambung dengan betul. Sambungan yang tidak sempurna boleh merosakkan sistem tersebut akibat litar pintas.
- Untuk mencegah bunyi yang tidak diingini, jangan letakkan penghantar dan penerima tanpa wayar terlalu dekat dengan sistem DVD, penyesuai kuasa AC, TV atau sumber radiasi yang lain.

Sambungan Asas (bersambung)

Langkah 3: Menyambung TV



Bahasa Melayu

PENTING!

- Anda hanya perlu membuat satu sambungan video daripada pilihan-pilihan berikut, bergantung kepada keupayaan TV anda.
- Sambungan sistem DVD ke TV.
- Terus ke muka 151 untuk menetapkan TV sebaik saja anda telah melengkapkan sambungan asas.

Panduan Berguna:

- Untuk mendengar saluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio yang dibekalkan (putih/merah) untuk menyambung bicu AUDIO-TV IN kepada bicu AUDIO OUT yang sepadan pada TV.

Pilihan 1: Menggunakan bicu S-Video


- Gunakan kabel S-video (tidak dibekalkan) untuk menyambung bicu **S-VIDEO** sistem DVD kepada bicu input S-Video (atau yang dilabelkan sebagai Y/C atau S-VHS) pada TV.

Pilihan 2: Menggunakan bicu Video Komposit (CVBS)

- Gunakan kabel video komposit yang dibekalkan (kuning) untuk menyambung bicu **CVBS** sistem DVD kepada bicu input video (atau dilabelkan sebagai A/V In, Video In, CVBS, Composite atau Baseband) pada TV.

Sambungan Asas (bersambung)

Langkah 4: Menyambung kepada sebuah TV Skan Progresif (tidak wajib)




PENTING!

Kualiti video skan progresif hanya boleh digunakan apabila menggunakan **Y Pb Pr** dan TV skan progresif diperlukan.


- 1 Gunakan kabel video komponen (merah/biru/hijau – tidak dibekalkan) untuk menyambung bicu **Y Pb Pr** sistem DVD kepada bicu input video Komponen yang sepadan (atau yang dilabelkan sebagai Y Pb/Cb Pr/Cr atau YUV) pada TV.
- 2 Untuk mendengar s aluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio yang dibekalkan (putih/merah) untuk menyambung bicu **AUDIO-TV IN** kepada bicu AUDIO OUT yang sepadan pada TV.
- 3 Terus ke muka surat 152 bagi penetapan terperinci Skan Progresif.

Langkah 5: Sambungkan antena FM/MW



- 1 Sambungkan antena loop **MW** yang dibekalkan kepada bicu MW. Letakkan antena loop MW di atas para dan pasangannya kepada kaki atau dinding.
- 2 Sambungkan antena **FM** yang dibekalkan kepada bicu FM. Panjangkan antena FM dan pasangannya hujungnya ke dinding.

Untuk penerimaan stereo FM yang lebih baik, sambungkan antena FM luar (tidak dibekalkan).




Panduan Berguna:

- Laraskan posisi antena bagi penerimaan yang optima.
- Posisikan antena sejauh yang mungkin dari TV, VCR anda atau sumber radiasi lain untuk mencegah gangguan yang tidak diinginkan.

Sambungan Asas (bersambung)

Langkah 6: Menyambung kod kuasa



Selepas segalanya telah disambung dengan sempurna,


- 1 Tetapkan **VOLTAGE SELECTOR** (PEMILIH VOLTAN) kepada voltan talian kuasa setempat.
- 2 Pasangkan palam kod kuasa AC ke salur keluar kuasa.
Eco Power LED berwarna merah pada sistem DVD akan menyala. Jangan sekali-kali membuat atau menukar sebarang sambungan ketika kuasa sedang dibuka.

Panduan Berguna:

– Rujuk kepada jenis plat di belakang atau di bawah sistem untuk identifikasi dan kadar bekalan.

Menyambung ke Peranti Luaran

Menyambung VCR atau Kotak Satelit/Kabel



Menonton dan mendengar kepada mainan semula

- 1 Sambungkan VCR atau Kotak Satelit/Kabel kepada TV seperti yang ditunjukkan.
- 2 Sambungkan bicu **AUX IN (R/L)** sistem DVD kepada bicu **AUDIO OUT** pada VCR atau kotak satelit/kabel.

Sebelum memulakan operasi, tekan **AUX/DI** pada alat kawalan jauh untuk memilih "AUX:" bagi mengaktifkan sumber input.

Menggunakan VCR untuk merakam mainan semula DVD

Sesetengah DVD dilindungi daripada disalin. Anda tidak boleh merakam atau mengalih suara pada cakera yang dilindungi menggunakan VCR.


- 3 Sambungkan bicu **S-VIDEO** sistem DVD kepada bicu **S-VIDEO IN** pada VCR.
- 4 Sambungkan bicu **LINE OUT (R/L)** sistem DVD kepada bicu **AUDIO IN** pada VCR. Ini akan membolehkan anda untuk membuat rakaman stereo (dua saluran, kanan dan kiri) analog.

Sebelum rakaman, rendahkan suara pada sistem DVD kepada paras suara **1** atau kurang daripada 3, untuk membolehkan bunyi output dari sambungan LINE OUT.

Untuk menonton mainan semula DVD sambil merakam, anda mesti sambungkan sistem DVD kepada TV anda menggunakan sambungan CVBS (seperti yang ditunjukkan di atas).

Menyambung ke Peranti Luaran (bersambung)

Menyambung alat audio digital



Mendengar mainan semula


- Sambungkan bicu **DIGITAL IN** sistem DVD kepada bicu DIGITAL OUT pada peranti audio digital.

Sebelum memulakan operasi, tekan **AUX/DI** pada alat kawalan jauh untuk memilih “DI” bagi mengaktifkan sumber input.

Panduan Berguna:

- Sesetengah DVD dilindungi daripada disalin. Anda tidak boleh merakam cakera ini melalui VCR atau peranti rakaman digital.
- Anda tidak boleh mendengar atau merakam mainan semula SACD atau MP3-CD jika anda menggunakan sambungan digital.
- Untuk main semula melalui sambungan DIGITAL IN, tetapkan output digital pemain tersebut kepada format PCM.
- Sentiasa rujuk kepada buku panduan pemilik peralatan lain untuk sambungan lengkap dan

Alat kawalan jauh




Bahasa Melayu

- ①
 - Menukar sistem DVD kepada mod sedia Kuasa Eko.
- ② **Butang sumber**
 - **DISC**: menukar kepada mod sumber DISC.
 - **TV**: menukar kepada mod sumber TV. Bunyi daripada TV akan keluar melalui sistem DVD.
 - **TUNER**: bertukar-tukar di antara jalur FM dan MW.
 - **AUX/DI**: bertukar-tukar di antara mod sumber AUX dan DIGITAL IN.
- ③ **VOL + -**
 - Melaraskan volum TV.
- ④
 - **DISC (CAKERA)**: memilih arah pergerakan di dalam menu.
 - **TUNER (PENALA)**: gunakan untuk memulakan pencarian auto, gunakan untuk menala frekuensi radio ke atas/bawah.
- ⑤
 - **DISC (CAKERA)**: * mencari ke belakang/hadapan atau memilih trek.
 - **TUNER (PENALA)**: pilih stesen radio pratetap.
- ⑥ **PAUSE II**
 - **DISC (CAKERA)**: berhenti seketika/sambung mainan semula.
- ⑦ **SETUP**
 - **DISC (CAKERA)**: Memasuki atau keluar daripada menu penetapan sistem.
- ⑧ **ZOOM**
 - **DISC (CAKERA)**: Membesarkan gambar di skrin TV.
- ⑨ **SLEEP**
 - Menetapkan fungsi pemasa tidur
- ⑩ **VOL TV + -**
 - Melaraskan volum TV (TV Philips sahaja).
- ⑪ **SURR**
 - Memilih mod stereo atau sekeliling berbilang saluran.
- ⑫ **SOUND**
 - Memilih kesan bunyi.

Alat kawalan jauh (bersambung)

- ⑬ **Papan kekunci Berangka (0-9)**
- DISC (CAKERA): memasukan nombor trek/ tajuk cakera
 - TUNER (PENALA): memasukan nombor stesyen radio pratetap
- ⑭ **DISC MENU**
- DISC: Memasukan atau keluar daripada menu kandungan.
 - Untuk VCD, pilih pelbagai fungsi pranonton.
- ⑮ **DISPLAY**
- DISC (CAKERA): Ia menunjukkan maklumat cakera dan status semasanya
- ⑯ **OK**
- Mengesahkan pilihan
- ⑰ **PLAY ►**
- DISC (CAKERA): memulakan seketika mainan semula
- ⑱ **■**
- Keluar daripada operasi
 - DISC (CAKERA): berhenti mainan semula
 - DISC (CAKERA): memegang butang ke bawah akan membuka atau menutup dulang cakera.
 - TUNER (PENALA): *memadam stesyen radio pratetap
- ⑲ **AUDIO**
- DISC (CAKERA): memilih bahasa audio (DVD, VCD) atau saluran audio.
- ⑳ **SUBTITLE**
- DISC (CAKERA): memilih bahasa sarikata.
- ㉑ **REPEAT**
- DISC (CAKERA): memilih pelbagai mod ulangan; menutup mod ulangan.
- ㉒ **PROG**
- DISC (CAKERA): memulakan program
 - TUNER (PENALA): memulakan program pratetap secara *automatik/manual
- ㉓ **MUTE**
- Membisukan atau mengekalkan semula volum.




Bahasa Melayu

- ㉔ **Butang Karaoke**
- MIC ON/OFF:** membuka/menutup mikrofon.
FEATURE: memasukan menu Karaoke.
VOCAL: bertukar-tukar di antara pelbagai pilihan mod audio.
KARAOKE: memasukan menu penetapan mikrofon.

*= Tekan dan pegang butang lebih dari dua saat

Unit Utama



① STANDBY ON (⏻)

- Menukar kepada mod sedia Eco Power atau buka sistem tersebut.

② Dulang cakera

③ OPEN CLOSE ▲

- Buka/Tutup dulang cakera.

④ Penunjuk ECO POWER

- Menyala apabila berada di dalam mod sedia Kuasa Eko.

⑤ iR

- Halakan alat kawalan jauh ke sensor ini.

⑥ Panel paparan sistem

⑦ VOLUME

- Melaras paras volum.

⑧ MIC LEVEL (PARAS MIC)

- Mengaktifkan mod paras mikrofon dan gunakan kawalan VOLUM untuk menetapkan paras volum mikrofon.

⑨ MIC

- Untuk menyambung soket mikrofon.

⑩ SOURCE

- Memilih mod sumber aktif yang relevan: DISC, TUNER (FM/MW), TV atau AUX/DI.

⑪ ► II PLAY PAUSE

- DISC: memulakan/berhenti seketika mainan semula.
- TUNER: memulakan pemasangan stesyen radio di dalam mod Pasang Palam & Main (hanya pada unit utama).


⑫ ◀◀ PREV / NEXT ▶▶

- DISC: * mencari ke belakang/hadapan atau memilih trek.
- TUNER: memilih nombor stesyen radio pratetap

⑬ ■ STOP

- Keluar daripada operasi.
- DISC: berhenti mainan semula.
- TUNER: memegang butang ini ke bawah memadamkan stesen radio pratetap semasa.

Langkah 1: Masukkan bateri ke dalam alat kawalan jauh




- 1 Buka petak bateri.
- 2 Isikan dua bateri jenis R06 atau AA, mengikut tanda (+ -) di dalam petak.
- 3 Tutup penutupnya.

AWAS!

- Keluarkan bateri sekiranya ia telah kehabisan atau jika alat kawalan jauh tidak digunakan untuk tempoh yang lama.
- Jangan gunakan bateri baru dan lama atau jenis yang berbeza sebagai gandingan.
- Bateri mengandungi bahan kimia, oleh itu ia harus dibuang dengan sempurna.

Menggunakan alat kawalan jauh untuk menggunakan sistem



- 1 Halakan alat kawalan jauh terus ke sensor jauh (iR) di panel hadapan.
- 2 Pilih sumber yang ingin dikawal oleh anda dengan menekan salah satu daripada butang pilih sumber di alat kawalan jauh (misalnya TV, TUNER).
- 3 kemudian pilih fungsi yang diingini (misalnya ▶, ◀◀◀, ▶▶▶).

Langkah 2: Membuka sistem DVD

- Tekan kawalan **SOURCE** untuk memilih:
DISC → FM → MW → TV → AUX → DI
→ DISC

ATAU

Tekan **DISC, TV, TUNER** atau **AUX/DI** pada alat kawalan jauh.

Menukar kepada mod sedia Eco Power

- Tekan **STANDBY ON** (⏻).
- Tiada gambar pada skrin paparan.

Langkah 3: Menetapkan TV

Selepas menyambung sistem DVD ke TV anda, anda perlu menukar TV ke nombor program yang betul bagi soket input (misalnya 'EXT', '0', 'AV') bagi melihat mainan semula dari sistem DVD.

- 1 Tekan kawalan **SOURCE** (sumber) sehingga "DISC" muncul di panel paparan.
- 2 Buka TV dan tetapkan saluran video-in yang betul. Anda harus lihat skrin latar belakang DVD berwarna biru di TV.
→ Biasanya saluran ini adalah di antara saluran terendah dan tertinggi dan boleh dipanggil FRONT, A/V IN, VIDEO. Lihat buku panduan TV anda untuk keterangan lanjut.
→ Atau, anda boleh pergi ke saluran 1 di TV anda, kemudian tekan butang Channel down (Saluran ke bawah) berulang kali sehingga anda melihat saluran Video In.
→ Atau, alat kawalan jauh mungkin ada butang atau suis yang memilih mod video yang berbeza.

Memulakan (bersambung)

Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja)


Skan progresif memaparkan dua kali bilangan bingkai sesaat daripada pengimbasan berjalın (sistem TV biasa) Dengan hampir dua kali ganda bilangan garisan, skan progresif menawarkan resolusi dan kualiti gambar yang lebih tinggi.

PENTING!


Sebelum membolehkan ciri skan progresif, anda mesti memastikan:

- 1) TV anda boleh menerima isyarat progresif, TV skan progresif diperlukan
- 2) Anda telah menyambungkan sistem DVD kepada TV anda menggunakan Y Pb Pr (lihat muka surat 144).

- 1 Tutup mod skan progresif TV anda atau buka mod berjalın (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda)
- 2 Tekan **DISC** (CAKERA) pada alat kawalan jauh untuk membuka sistem DVD.
- 3 Buka TV dan pilih saluran Input Video yang betul (lihat muka surat 151).
→ Skrin latar belakang biru DVD akan muncul di TV.
- 4 Tekan **SETUP** pada alat kawalan jauh.
- 5 Tekan **▶** untuk memilih {Video Setup Page}.



- 6 Pilih { **Progressive** } > { **On** }, kemudian **OK** untuk mengesahkan.
→ Menu di bawah akan muncul di TV.



TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

- 7 Tekan **◀** untuk mencerahkan perkara **OK** di dalam menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Tiada gambar di TV anda dalam keadaan ini sehingga anda membuka mod skan progresif di TV anda.

- 8 Buka mod skan progresif TV anda (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda).
→ Menu di bawah akan muncul di TV.



- 9 Tekan **◀** untuk mencerahkan perkara **OK** di dalam menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Penetapan sudah lengkap sekarang dan anda boleh mula menikmati gambar yang bermutu tinggi.

Jika tiada gambar:

- 1 Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik

ATAU

- 2 Tekan **OPEN CLOSE** pada sistem DVD untuk membuka dulang cakera.
- 3 Tekan **◀** pada alat kawalan jauh.
- 4 Tekan **MUTE** pada alat kawalan jauh.
→ Skrin latar belakang biru DVD akan muncul di TV.

Panduan Berguna:


– Terdapat beberapa TV skan progresif dan TV Berdefinisi Tinggi yang tidak sesuai dengan sistem DVD ini, mengakibatkan gambar yang tidak semula jadi apabila memainkan semula cakera DVD VIDEO dalam mod skan progresif. Dalam keadaan demikian, tutup ciri skan progresif pada sistem DVD dan TV anda.

Memulakan (bersambung)

Memilih sistem warna yang sepadan

Sistem warna DVD tersebut, TV dan pemain DVD harus sepadan. Sebelum menukar sistem TV, tentukan sistem warna TV anda.

- 1 Dalam mod cakera, tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **▶** berulang kali untuk memilih { Video Setup Page } (Muka Surat Penetapan Video).
- 3 Tekan **▲▼** untuk menerangkan { **TV Type** } (Jenis TV), kemudian tekan **▶**.



- 4 Tekan **▲▼** untuk menerangkan salah satu daripada pilihan di bawah ini.

{ **PAL** } – Pilih ini jika TV yang disambungkan mempunyai sistem warna PAL. Ia akan menukar isyarat video cakera NTSC dan keluarkannya dalam format PAL.

{ **NTSC** } – Pilih ini jika TV yang disambungkan mempunyai sistem warna NTSC. Ia akan menukar isyarat video cakera PAL dan keluarkannya dalam format NTSC.


{ **Multi** } – Pilih ini jika TV yang disambung sesuai dengan NTSC dan PAL (Berbilang sistem). Format output akan mengikut isyarat video cakera tersebut.

- 5 Pilih satu penetapan dan tekan **OK**.
→ Ikut arahan yang ditunjukkan di TV untuk mengesahkan pilihan (jika ada).
→ Jika skrin tanpa gambar/herot-bengot, tunggu selama 15 saat untuk pemulihan auto.

Menetapkan Paparan TV

Tetapkan nisbah aspek Pemain DVD mengikut TV yang telah disambungkan oleh anda. Format yang dipilih mesti ada pada cakera. Jika tidak, penetapan paparan TV tidak akan menjejaskan gambar semasa mainan semula.

- 1 Dalam mod cakera, tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **▶** berulang kali untuk memilih { Video Setup Page } (Muka Surat Penetapan Video).
- 3 Tekan **▲▼** untuk menerangkan { **TV Display** } (Paparan TV), kemudian tekan **▶**.



- 4 Tekan **▲▼** untuk menerangkan salah satu daripada pilihan di bawah ini.

{ **4:3 Pan Scan** } –

Pilih ini jika anda mempunyai TV konvensional dan ingin kedua belah gambar dipotong atau diformat supaya muat dalam skrin TV anda.




{ **4:3 Letter Box** }

(PETI SURAT) – Pilih ini jika anda mempunyai TV konvensional. Di dalam kes ini, gambar yang luas dengan jalur hitam di bahagian atas dan bawah skrin TV akan dipaparkan.



{ **16:9 Wide Screen** }

Pilih ini jika anda mempunyai TV skrin luas.



- 5 Pilih satu penetapan dan tekan **OK**.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Memulakan (bersambung)


Langkah 4: Menetapkan pilihan bahasa

Anda boleh memilih penetapan bahasa yang diinginkan supaya sistem DVD ini akan tukar secara automatik kepada bahasa tersebut apabila anda memasukkan cakera. Jika bahasa yang dipilih tidak terdapat pada cakera, bahasa penetapan sedia ada cakera akan digunakan.

Bahasa OSD (paparan di skrin) bagi menu sistem akan kekal seperti yang anda tetapkan, tidak mengambil kira pelbagai bahasa cakera.

Bahasa paparan di skrin (OSD)


- 1 Dalam mod cakera, tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **▶** untuk memilih { General Setup Page } (Muka Surat Penetapan Umum).
- 3 Tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **OSD Language** } (Bahasa OSD), kemudian tekan **▶**.



- 4 Tekan **▲▼** untuk memilih bahasa dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Bahasa menu Audio, Sarikata dan Cakera

- 1 Tekan **■** dua kali untuk berhenti mainan semula (jika ada), kemudian tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **▶** berulang kali untuk memilih { Preference Page } (Muka Surat Kegemaran).
- 3 Tekan **▲▼** untuk menyerlahkan salah satu daripada pilihan di bawah satu persatu, kemudian tekan **▶**.
 - { **Audio** } (trek bunyi cakera)
 - { **Subtitle** } (sarikata cakera)
 - { **Disc Menu** } (menu cakera)



- 4 Tekan **▲▼** untuk memilih bahasa dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Jika bahasa yang anda ingini tiada di senarai, kemudian pilih { Others } (LAIN).

Gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** pada alat kawalan jauh untuk memasuki kod bahasa 4 angka 'XXXX' (lihat muka surat 183 "Kod Bahasa") dan tekan **▶OK** untuk mengesahkan.

- 5 Ulangi langkah 3~4 untuk penetapan lain.

TIPS: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

PENTING!

- Jika ikon menghalang (Ø atau X) muncul di skrin TV apabila butang ditekan, ia bermakna fungsi tersebut tidak ada pada cakera semasa atau pada waktu semasa.
- Cakera dan pemain DVD direka dengan batasan serantau. Sebelum memainkan cakera, pastikan cakera adalah untuk zon yang sama dengan alat pemain anda.
- Jangan tolakkan dulang cakera atau letakkan sebarang objek selain daripada cakera di atas dulang cakera. Melakukan perkara ini boleh menyebabkan alat pemain cakera untuk rosak.

Cakera yang boleh dimainkan



Sistem pangung dalam rumah DVD anda akan memainkan:

- Cakera Versatil Digital (DVDs)
- CD Video (VCDs)
- CD Super Video (SVCDs)
- CD Super Audio (SACDs)
- Cakera Video Digital 'Finalised' + Boleh Dirakam[Ditulis Semula] (DVD+R[W])
- Cakera Padat Audio (CDs)
- Fail-fail cakera MP3, gambar (Kodak, JPEG) pada CD-R(W).
 - Format JPEG/ISO 9660
 - JPEG yang disokong sehingga 3072 x 2048.
 - Frekuensi sampel yang disokong : 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
 - Kadar bit yang disokong : 32~256 (kbps), kadar bit yang boleh ubah
- Windows Media™ Audio cakera audio
- Fail MPEG-4 pada CD-R[W]:
 - Profil mudah
 - Profil mudah maju (640-480)
- Cakera DivX pada CD-R[W]/DVD+R[W]:
 - DivX 3.11, 4.x dan 5.x
 - GMC (Kompensasi Gerakan Global) dan QP (Piksel Suku) tidak disokong.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Kod Rantau

DVD mesti dilabelkan untuk **SEMUA** rantau atau **Rantau 3** untuk dimainkan di sistem DVD ini. Anda tidak boleh memainkan cakera yang dilabel untuk rantau lain.



Panduan Berguna:

- Mungkin tidak boleh untuk memainkan CD-R/RW atau DVD-R/RW dalam semua kes disebabkan oleh jenis cakera atau keadaan rakaman tersebut.

Cakera yang dimainkan

- 1 Tekan kawalan **SOURCE** sehingga "DISC" muncul di panel paparan (atau tekan **DISC** pada alat kawalan jauh).
- 2 Buka kuasa TV dan tetapkan kepada saluran Video In yang betul (Lihat muka surat 151 "Menetapkan TV").
 - Anda harus melihat skrin latar belakang DVD berwarna biru pada TV.
- 3 Tekan **OPEN CLOSE** sekali untuk membuka dulang cakera dan masukkan cakera, kemudian tekan butang yang sama sekali lagi untuk menutup dulang cakera.
 - Pastikan label cakera menghadap ke atas. Untuk cakera dua muka, masukkan bahagian yang ingin dimainkan menghadap ke atas.
- 4 Mainan semula akan mula secara automatik,
 - Jika menu cakera dipaparkan di TV, lihat muka surat 157 "Menggunakan Menu Cakera".
 - Jika cakera dikunci oleh kawalan ibubapa, anda mesti masukkan kata laluan enam angka anda. (Lihat muka surat 170~171).

Operasi Cakera (bersambung)

Mod sedia Auto Eco Power

Ini adalah ciri menjimat kuasa, sistem ini akan menukar secara automatik kepada mod sedia Eco Power jika anda tidak menekan sebarang butang dalam masa 30 minit selepas cakera telah berhenti bermain.

Kawalan asas mainan semua

Memberhentikan mainan semula buat seketika

- Semasa mainan semula, tekan ►II (atau tekan II pada alat kawalan jauh).
→ Untuk menyambung mainan semula seperti biasa, tekan ►II (atau tekan **PLAY** ► pada alat kawalan jauh).

Memilih satu lagi trek/bab

- Tekan |◀◀ / ▶▶| atau gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk mengisi nombor trek/bab.
→ Jika mod ulang sedang aktif, menekan |◀◀ / ▶▶| akan memainkan semula trek/bab yang sama.

Mencari ke belakang/hadapan

- Tekan dan pegang |◀◀ / ▶▶|, untuk menyambung mainan semula seperti biasa, tekan ►II (atau tekan **PLAY** ► pada alat kawalan jauh).
→ Sementara mencari, tekan |◀◀ / ▶▶| sekali lagi akan mengurangkan/meningkatkan kelajuan pencarian.

Menghentikan mainan semula

- Tekan ■.

Memilih pelbagai fungsi ulang/kocok

- Sementara memainkan cakera, tekan **REPEAT** secara berterusan untuk memilih 'Play Mode' (Mod Main).

DVD

- RPT ONE (ulang bab)
- RPT TT (ulang tajuk)
- SHUFFLE (main secara rambang)
- RPT SHF (ulang kocok)
- RPT OFF (ulang ditutup)

VCD/SVCD/CD

- RPT ONE (ulang trek)
- RPT ALL (ulang cakera)
- SHUFFLE (main secara rambang)
- RPT SHF (ulang kocok)
- RPT OFF (ulang ditutup)

MP3/SACD/DivX/Windows Media™ Audio

- RPT ONE (ulang trek)
- RPT ALL/FLD (ulang folder)
- SHUFFLE (main secara rambang)
- RPT OFF (ulang ditutup)


Panduan Berguna:

- Untuk VCD, ulang mainan semula tidak boleh dilakukan jika mod PBC dibuka.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Operasi lain untuk mainan semula video (DVD/VCD/SVCD)



Menggunakan Menu Cakera

Bergantung kepada cakera, menu mungkin muncul di skrin TV sebaik saja anda memasukkan cakera.

Untuk memilih ciri atau bahan mainan semula

- Gunakan kekunci ◀▶▲▼ atau **papan kekunci berangka (0-9)** pada alat kawalan jauh, kemudian tekan **OK** untuk mula mainan semula.

Untuk mengakses atau menghilangkan menu

- Tekan **DISC MENU**.

Melihat maklumat mainan semula

La menunjukkan maklumat cakera dan status semasanya. (misalnya, nombor tajuk atau bab, masa mainan yang telah berlalu, bahasa audio/sarikata), bilangan operasi yang boleh dilakukan tanpa mengganggu mainan semula cakera.

- 1 Semasa mainan semula, tekan **DISPLAY**.
→ Senarai maklumat cakera yang ada muncul di skrin TV.



- 2 Tekan ▲▼ untuk melihat maklumat dan tekan ▶OK untuk mengakses.
- 3 Gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk menginput bilangan/masa atau tekan ▲▼ untuk membuat pilihan, kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Mainan semula akan bertukar kepada masa yang dipilih atau kepada tajuk/bab/trek yang dipilih.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Maju mengikut bingkai

- 1 Semasa mainan semula, tekan **II**.
→ Mainan akan berhenti seketika dan bunyi akan dilynapkan.
- 2 Tekan **II** berulang kali untuk melihat bingkai gambar yang berikutnya.
- 3 Untuk menyambung mainan semula yang biasa, tekan **PLAY ►**.

Menyambung mainan semula dari titik berhenti yang terakhir

Sistem DVD ini boleh menyambung semula mainan daripada titik pemberhentian terakhirnya (hanya boleh untuk 10 cakera terakhir yang dirakam tanpa menu fail/folder).

- 1 Masukkan salah satu daripada 10 cakera yang terakhir dimainkan.
- 2 Semasa "LOADING" muncul di panel paparan, tekan **PLAY ►** (atau **► II**) untuk main semula daripada titik pemberhentian yang terakhir.

Untuk membatalkan mod menyambung semula.

- Di dalam mod berhenti, tekan **■** sekali lagi.

Zoom masuk

Fungsi ini membolehkan anda untuk membesarkan gambar di skrin TV dan untuk menyorot gambar besar tersebut.

- 1 Semasa mainan semula, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memilih faktor zoom yang berbeza.
→ Gunakan kekunci **◀▶▶▼** untuk bergerak melalui imej yang dizoom.
→ Mainan semula akan diteruskan.
- 2 Tekan **ZOOM** berulang kali untuk kembali ke saiz yang asal.

Menukar bahasa trek bunyi

Operasi ini bertindak hanya pada DVD yang mempunyai bahasa trek bunyi yang berbilang, anda boleh menukar bahasa yang diinginkan semasa memainkan DVD.

- Tekan **AUDIO** berulang kali untuk memilih bahasa audio yang ada.

Untuk VCD – menukar saluran audio

- Tekan **AUDIO** berulang kali untuk memilih saluran audio yang ada, yang disediakan oleh cakera (STEREO, LEFT MONO, RIGHT MONO atau MIX MONO).

Menukar bahasa sarikata (DVD sahaja)

Operasi ini hanya bertindak pada DVD yang mempunyai berbilang bahasa sarikata, anda boleh menukar bahasa yang diinginkan sambil memainkan DVD.


- Tekan **SUBTITLE** berulang kali untuk memilih bahasa sarikata yang berbeza.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Fungsi pranonton (VCD sahaja)

- 1 Tekan **DISC MENU**.
- 2 Tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **Track Digest** }, { **Disc Interval** } atau { **Track Interval** }.
- 3 Tekan **OK** untuk membuka satu pilihan.



{ **Track Digest** } (Digest Trek)


Fungsi ini akan meminimakan gambar setiap trek bagi memaparkan setiap enam daripada trek di skrin untuk membantu anda mengetahui kandungan setiap trek di cakera.

{ **Disc Interval** } (Interval Cakera)

Fungsi ini digunakan untuk membahagikan cakera kepada enam bahagian dengan interval tetap dan memaparkannya dalam satu muka surat untuk pranonton keseluruhan cakera.

{ **Track Interval** } (Interval Trek)

Fungsi ini digunakan untuk membahagikan satu trek kepada enam bahagian dengan interval tetap dan memaparkannya dalam satu muka surat untuk membantu anda pranonton trek yang dipilih.



(misalnya untuk 6 paparan gambar 'thumbnail')

- 4 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk memilih trek.
- 5 Tekan **|◀◀/▶▶|** untuk membuka muka surat sebelum atau selepasnya.
- 6 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Untuk berhenti daripada fungsi pranonton

- Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menyerlahkan { **Exit** } (Keluar) dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Untuk kembali ke menu pranonton

- Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menyerlahkan { **Menu** } dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan cakera MP3/ Windows Media™ Audio/ JPEG/ MPEG-4

Alat pemain ini boleh memainkan semula fail-fail Windows Media™ Audio, MPEG-4, MP3, JPEG, VCD & SVCD pada cakera CD-R/RW yang dirakam sendiri atau CD komersial.

PENTING!

Anda perlu membuka TV anda dan tetapkan kepada saluran Video In yang betul. (Lihat muka surat 151 "Menetapkan TV").

- 1 Masukkan cakera
→ Masa membaca cakera mungkin melebihi 30 saat kerana kesulitan konfigurasi direktori/fail.
→ Menu cakera muncul di skrin TV.



- 2 Jika menu utama cakera mengandungi pelbagai folder, tekan ▲▼ untuk memilih folder yang diingini dan tekan **OK** untuk membuka folder tersebut.
- 3 Tekan ▲▼ untuk memilih trek/fail dan tekan **OK** untuk mulakan mainan semula.
→ Main semula untuk mula daripada fail yang dipilih hingga ke penghujung folder.

Semasa main semula, anda boleh;

- Tekan ◀◀◀ / ▶▶▶ untuk memilih trek/fail lain di dalam folder yang ada.
- Tekan ◀ / ▶ untuk mencari trek musik ke belakang/hadapan dengan pantas.
- Untuk memilih folder lain daripada cakera yang ada, tekan ▲ untuk kembali ke menu akar, kemudian tekan ▲▼ untuk membuat pilihan anda dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

- Tekan **REPEAT** secara berterusan untuk mengakses 'Play Mode (Mod Main)' yang berbeza.
- Tekan **II** untuk berhenti seketika atau **PLAY ▶** sambung main semula.

Memainkan musik MP3 dan gambar JPEG serentak

- 1 Masukkan cakera MP3 yang mengandungi musik dan gambar.
→ Kandungan menu cakera muncul di skrin TV.
- 2 Pilih trek MP3 dan tekan **▶II** (atau **PLAY ▶** pada alat kawalan jauh) untuk mulakan mainan semula.
- 3 Semasa mainan semula musik MP3, gunakan kekunci ◀▶▲▼ untuk memilih folder gambar daripada menu cakera dan tekan **▶II** (atau **PLAY ▶**).
→ Fail gambar akan dimainkan semula satu persatu sehingga penghujung folder.
- 4 Untuk berhenti mainan semula secara serentak, tekan **DISC MENU** diikuti dengan **■**.

Panduan Berguna:

- Mungkin tidak boleh untuk mainkan cakera MP3 / JPEG / DivX / MPEG-4 tertentu disebabkan konfigurasi dan ciri-ciri cakera tersebut atau keadaan rakaman.
- Adalah biasa untuk mengalami "loncatan" sekali-sekala semasa mendengar cakera MP3 anda.
- Adalah biasa untuk mengalami bintik-bintik sekali-sekala semasa mainan semula MPEG-4 / DivX disebabkan oleh kejelasan kandungan digital yang kurang baik semasa muat turun dari internet.
- Untuk cakera berbilang sesi dengan format yang berbeza, hanya sesi pertama yang ada.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan cakera gambar (pertunjukan slaid)

PENTING!

Anda perlu buka TV anda dan tetapkan kepada saluran Video In yang betul. (Lihat muka surat 151 "Menetapkan TV").

- Masukkan cakera Gambar (CD Gambar Kodak, JPEG).
 - Untuk cakera Kodak, pertunjukan slaid akan bermula.
 - Untuk cakera JPEG, menu gambar akan muncul di skrin TV. Tekan **▶II** (atau **PLAY ▶**) untuk mulakan mainan semula.

Fungsi Pranonton

Fungsi ini menunjukkan kandungan folder yang ada atau keseluruhan cakera.

- 1 Semasa mainan semula, tekan **■**.
 - gambar 'thumbnail' akan muncul di skrin TV.



- 2 Tekan **◀◀ / ▶▶** untuk memaparkan gambar lain pada muka surat sebelum/selepasnya.
- 3 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menerangkan salah satu daripada gambar dan tekan **OK** untuk mulakan mainan semula.
- 4 Tekan **DISC MENU** untuk kembali ke menu CD Gambar.

Zoom gambar

- 1 Semasa mainan semula, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memilih faktor zoom yang berbeza.
- 2 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk bergerak melalui imej yang dizoom.

Memutar/Menterbalikkan gambar

- Semasa mainan semula, gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk memutar/menterbalikkan gambar di skrin TV.
 - ▲ : terbalikkan gambar secara menegak
 - ▼ : terbalikkan gambar secara mendatar
 - ◀ : putarkan gambar anti pusingan jam
 - ▶ : putarkan gambar mengikut pusingan jam

Menyokong format gambar JPEG

Format fail:

- Sambungan fail harus '*.JPG' dan bukan '*.JPEG'.
- Ia akan hanya memaparkan gambar pegun standard DCF atau gambar JPEG misalnya TIFF. Ia tidak boleh memainkan semula gambar bergerak, JPEG bergerak, JPEG progresif dan format lain, atau gambar dalam format selain daripada JPEG, atau gambar yang dikaitkan dengan bunyi misalnya fail-fail AVI.
- Ia mungkin memerlukan masa yang lebih lama bagi sistem DVD memaparkan kandungan cakera di TV disebabkan oleh bilangan besar lagu/gambar yang disimpan dalam satu cakera.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan CD Super Audio (SACD)

Terdapat tiga jenis cakera SACD: satu lapis, dua lapis atau cakera hibrid. Cakera hibrid mengandungi kedua-dua lapisan CD Super Audio dan CD audio standard, hanya lapisan SACD yang boleh digunakan untuk mainan semula pada pemain DVD ini.

- 1 Masukan SACD.
→ Menu cakera muncul di skin TV.
- 2 Mainan semula akan mula secara automatik.
→ Jika SACD terdiri daripada trek berbilang saluran dan stereo, trek berbilang saluran akan mempunyai keutamaan untuk mainana semula.
→ Untuk mainan semula trek stereo, gunakan kekunci ▲▼ untuk membuat pilihan anda daripada menu cakera, kemudian tekan **PLAY ►** (atau **►II**) untuk mulakan mainan semula.
- Semasa mainan semula, menekan ◀ / ▶ akan mencari ke belakang/hadapan dengan pantas.

Panduan Berguna:

- Anda tidak dapat memprogram trek cakera SACD.

Memainkan cakera DivX

Sistem DVD ini menyokong mainan semula tayangan gambar DivX yang anda muat turun daripada komputer kepada CD-R/RW (lihat muka surat 166 untuk maklumat lanjut).

- 1 Masukkan cakera DivX.
- 2 Jika tayangan gambar DivX mengandungi sari kata luar, menu sari kata akan muncul di TV untuk dipilih.
- Dalam kes ini. Menekan **SUBTITLE** pada alat kawalan jauh akan membuka atau menutup paparan sari kata.
- 3 Tekan **►II** (atau **PLAY ►**) memulakan mainan semula.
- Jika sari kata berbilang bahasa telah tersedia pada cakera DivX, anda boleh menekan **SUBTITLE** untuk menukar bahasa sari kata semasa memainkannya.
- Semasa mainan semula, menekan ◀ / ▶ akan mencari ke belakang/hadapan dengan pantas.

Panduan Berguna:

- Fail-fail sarikata dengan sambungan nama fail berikut (.srt, .smi, .sub, .ssa, .ass) disokong tetapi tidak muncul pada menu kemudi fail.
- Nama fail sari kata perlu sama dengan nama fail tayangan gambar.
- Sari kata hanya boleh dipaparkan sehingga 45 huruf paling maksimum.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.



Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan cakera Karaoke

PENTING!

Anda perlu buka TV anda dan tetapkan kepada saluran Video In yang betul. (Lihat muka surat 151 "Menetapkan TV").


- 1 Sambungkan mikrofon (tidak dibekalkan) ke soket **MIC** di panel sisi unit utama DVD (seperti yang ditunjukkan di bawah).



- 2 Masukkan cakera karaoke.
→ Jika menu cakera muncul, gunakan kekunci **▲▼** untuk membuat pilihan anda dan tekan **OK** untuk memulakan mainan semula.
- 3 Untuk menutup vokal atau menukar saluran bunyi cakera karaoke, tekan **VOCAL** pada alat kawalan jauh berulang kali untuk bertukar-tukar di antara pelbagai mod audio.
- 4 Tekan **MIC ON/OFF** pada alat kawalan jauh untuk membuka mikrofon dan mula nikmati karaoke.
- Semasa menyanyi, anda boleh menetapkan paras volum mikrofon dengan menekan **MIC LEVEL** di panel hadapan dan diikuti dengan melaras kawalan Volum.

Menetapkan Mikrofon

- 1 Tekan **KARAOKE** pada alat kawalan jauh untuk mengakses muka surat 'Penetapan Mikrofon'.



- 2 Di dalam muka surat 'Penetapan Mikrofon', guna kekunci **▲▼** untuk memilih pilihan mikrofon dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

{ Mic Volume } (Volum Mikrofon)

– Guna kekunci **▲▼** untuk menetapkan paras volum mikrofon (00-+20). Pilih '00' untuk menetapkan volum mikrofon yang minimum.

{ Echo Level } (Paras Gema)

– Guna kekunci **▲▼** untuk menetapkan Paras Gema (00-+20). Pilih '00' untuk menetapkan paras gema yang minimum.

{ Key } (Kekunci)

– Guna kekunci **▲▼** untuk menetapkan paras nada (-10-+10) yang sepadan dengan suara anda.

Pilih '-10' untuk nada yang paling rendah dan '+10' untuk nada tertinggi. Untuk kembali ke nada asal, pilih '00'.


TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Pilihan Menu Penetapan DVD

Sistem DVD ini memberi dua pilihan Menu Sistem, Rangkaian dan Cakera. Dalam Menu Sistem Cakera, anda boleh sesuaikan sistem DVD supaya ia mengikut kehendak tertentu anda.

Mengakses Muka Penetapan Umum

- 1 Tekan **DISC**, kemudian **SETUP** pada alat kawalan jauh.
- 2 Tekan ◀ ▶ untuk memilih ikon 'General Setup Page' (Muka Surat Penetapan Umum).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.



Bahasa Melayu

Mengunci/Membuka kunci cakera untuk tontonan

Tidak semua cakera dinilai atau dikod oleh pembuat cakera. Anda boleh mengelakkan cakera tertentu daripada dimainkan dengan mengunci cakera tersebut. Sehingga 40 cakera boleh dikunci.

- 1 Di dalam 'General Setup Page' (Muka Surat Penetapan Umum), tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan { **Disc Lock** } (Kunci Cakera), kemudian tekan ▶.

{ **Lock** } (Kunci)

Pilih ini untuk menghalang mainan semula cakera yang ada. Akses selanjutnya kepada cakera yang dikunci memerlukan kata laluan enam angka. Kata laluan sedia ada ialah '136900' (lihat muka surat 172 "Menukar kata laluan").

{ **Unlock** } (Buka Kunci)

Pilih ini untuk membuka kunci cakera dan benarkan mainan semula pada masa hadapan.

- 2 Tekan ▲ ▼ untuk memilih satu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Memalapkan panel paparan sistem

Anda boleh memilih paras kecerahan yang berbeza untuk skrin paparan.

- 1 Di 'General Setup Page' (Muka Surat Penetapan Umum), tekan ▲ ▼ untuk menerangkan { **Display Dim** } (Malapkan Paparan), kemudian tekan ▶.

{ **100%** }

Pilih ini untuk kecerahan penuh.

{ **70%** }

Pilih ini untuk kecerahan sederhana.

{ **40%** }

Pilih ini untuk memalapkan paparan.

- 2 Tekan ▲ ▼ untuk memilih satu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.


Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Memprogram trek cakera (bukan untuk CD Gambar/MP3/SACD)

Anda boleh mainkan kandungan cakera mengikut urutan yang diinginkan dengan memprogram trek untuk dimainkan.

- 1 Tekan **PROG** pada alat kawalan jauh.
ATAU
Di 'General Setup Page' (Muka Surat Penetapan Umum), tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **Program** }, kemudian tekan **►** untuk memilih { **Input Menu** }.
- 2 Tekan **OK** untuk mengesahkan.



Untuk mengisi trek/bab kegemaran anda

- 3 Gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk memasukkan nombor trek/bab yang sah.
- 4 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menggerakkan kursor ke posisi yang selanjutnya.
→ Jika nombor trek lebih daripada sepuluh, tekan **►►|** untuk membuka muka surat selanjutnya dan terus memprogram atau,
→ Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menyerlahkan { **Next** } di menu program, kemudian tekan **OK**.
- 5 Ulangi langkah 3~4 untuk mengisi nombor trek/bab lain.

Jika anda ingin memadam sesuatu trek

- 6 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menggerakkan kursor ke trek yang ingin dipadam.
- 7 Tekan **OK** untuk memadam trek ini daripada menu program.

Untuk memulakan mainan semula program

- 8 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menyerlahkan { **Start** } di menu program, kemudian tekan **OK**.
→ Mainan semula akan bermula dengan trek yang dipilih mengikut urutan yang diprogram.

Untuk keluar dari mainan semula program

- 9 Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menyerlahkan { **Exit** } di menu program, kemudian tekan **OK**.

Bahasa OSD

Menu ini mengandungi pelbagai pilihan bahasa untuk bahasa paparan di skrin. Untuk butir-butir lanjut, lihat muka surat 154.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Penjimat Skrin – buka/tutup

Penjimat skrin akan membantu untuk mengelakkan peranti paparan TV daripada rosak.

- 1 Di 'General Setup Page' (Muka Surat Penetapan Umum), tekan ▲▼ untuk menyerlahkan { **Screen Saver** } (Penjimat Skrin), kemudian tekan ►.

{ **On** } (Buka)

Pilih ini jika anda ingin menutup skrin TV apabila mainan dihentikan atau diberhentikan seketika untuk lebih dari 15 minit.

{ **Off** } (Tutup)

Pilih ini untuk menyahbolehkan fungsi penjimat skrin.

- 2 Tekan ▲▼ untuk memilih sesuatu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Kod pendaftaran DivX® VOD

Philips memberi anda kod pendaftaran DivX® VOD (Video Atas Permintaan) yang membolehkan anda untuk menyewa dan membeli video menggunakan perkhidmatan DivX® VOD. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi www.divx.com/vod.

- 1 Di dalam 'General Setup Page' (Muka Surat Penetapan Umum), tekan ▲▼ untuk mencerahkan { **DIVX(R) VOD Code** }, kemudian tekan ►.
→ Kod pendaftaran akan muncul.
- 2 Tekan **OK** untuk keluar.
- 3 Gunakan kod pendaftaran untuk membeli atau menyewa video daripada perkhidmatan DivX® VOD www.divx.com/vod. Ikut arahan tersebut dan muat turun video kepada CD-R/RW untuk mainan semula pada sistem DVD ini.

Panduan Berguna:

– Semua video yang dimuat turun dari DivX® VOD hanya boleh dimainkan semula pada sistem DVD ini.


TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Mengakses Muka Penetapan Audio

- 1 Tekan **DISC**, kemudian **SETUP** pada alat kawalan jauh.
- 2 Tekan ◀▶ untuk memilih ikon 'Audio Setup Page' (Muka Surat Penetapan Audio).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.



Volum Speaker/Kelewatan Speaker

Menu-menu ini mengandungi pilihan penetapan speaker yang membenarkan anda untuk melaraskan volum dan jarak speaker secara individu. Untuk butir lanjut, lihat muka surat 176.

Mod Malam – buka/tutup

Apabila diaktifkan mod malam, output volum tinggi diperlahankan dan output volum rendah dibawa ke atas, ke paras yang boleh didengar (hanya DVD). Ia berguna untuk menonton tayangan gambar penuh aksi kegemaran anda tanpa mengganggu yang lain pada waktu malam.

- 1 Di 'Audio Setup Page' (Muka Surat Penetapan Audio), tekan ▲▼ untuk menyerlahkan { **Night Mode** } (Mod Malam), kemudian tekan ▶.
{ **On** } (Buka)
Pilih ini untuk menghilangkan volum. Ciri ini hanya ada untuk tayangan gambar dengan mod Dolby Digital.
{ **Off** } (Tutup)
Pilih ini apabila anda ingin menikmati bunyi sekeliling dengan julat dinamik yang penuh.
- 2 Tekan ▲▼ untuk memilih satu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

CD Upsampling

Ciri ini membolehkan anda untuk menukar CD musik anda kepada kadar sampel yang lebih tinggi menggunakan pemrosesan isyarat digital yang canggih untuk kualiti bunyi yang lebih baik.

Tukarkan sistem ini kepada mod stereo sebelum mengaktifkan CD upsampling.

- 1 Dalam 'Audio Setup Page' (Muka Surat Penetapan Audio), tekan ▲▼ untuk menceraikan { **CD Upsampling** }, kemudian tekan ▶.

{ **Off** } (Tutup)

Pilih ini untuk menyahbolehkan CD-upsampling.

{ **88.2 kHz (X2)** }

Pilih ini untuk menukar kadar sampel CD sebanyak dua kali lebih tinggi daripada yang asal.

- 2 Tekan ▲▼ untuk memilih satu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.


Panduan Berguna:

– Jika anda menekan butang **SURR** pada alat kawalan jauh untuk memilih mod "Berbilang Saluran", ia akan menyahbolehkan ciri 'upsampling' CD.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Mengakses Muka Penetapan Video

- 1 Tekan **DISC**, kemudian **SETUP** pada alat kawalan jauh.
- 2 Tekan ◀ ▶ untuk memilih ikon 'Video Setup Page' (Muka Surat Penetapan Video).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.



Jenis TV

Menu ini mengandungi pilihan untuk memilih sistem warna yang sepadan dengan TV yang disambungkan. Untuk keterangan lanjut, lihat muka surat 153.

Paparan TV

Menu ini mengandungi pilihan untuk menetapkan nisbah aspek sistem DVD mengikut TV yang disambungkan. Untuk keterangan lanjut, lihat muka surat 153.

Ciri Progresif – buka/tutup

Di dalam mod skan progresif, anda boleh menikmati gambar berkualiti tinggi dengan kurang kerlipan. Ia hanya bertindak apabila anda telah menyambungkan soket Y Pb Pr sistem DVD ke TV anda yang menyokong input video progresif. Jika tidak, imej mungkin tidak kelihatan atau terganggu. Untuk penetapan skan progresif yang sempurna, lihat muka surat 152.

- 1 Di 'Video Setup Page' (Muka Surat Penetapan Video), tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan { **Progressive** }, (Progresif), kemudian tekan ▶.
{ **Off** } (Tutup)
Pilih ini untuk menyahbolehkan ciri skan progresif.
{ **On** } (Buka)
Pilih ini untuk membolehkan ciri skan progresif.
- 2 Tekan ▲ ▼ untuk memilih satu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Ikuti arahan yang ditunjukkan pada TV untuk mengesahkan pilihan (jika ada).
→ Jika skrin tiada gambar/dengan gangguan muncul, tunggu selama 15 saat bagi pemulihan secara automatik.


TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Penetapan Gambar

Sistem DVD ini memberi tiga set pratetap penetapan warna gambar dan satu penetapan peribadi yang boleh ditetapkan oleh anda sendiri.

- 1 Di 'Video Setup Page' (Muka Surat Penetapan Video), tekan ▲▼ untuk menyerlahkan { **Picture Setting** } (Penetapan Gambar), kemudian tekan ▶.
 - { **Standard** } (Piawan)
Pilih ini untuk penetapan warna yang asli.
 - { **Bright** } (Cerah)
Pilih ini untuk penetapan warna yang ceria.
 - { **Soft** } (Lembut)
Pilih ini untuk penetapan warna yang hangat.
 - { **Personal** } (Peribadi)
Pilih ini untuk menyesuaikan warna gambar mengikut selera anda dengan melaras kecerahan, kejelasan, seri warna dan warna (kepekatan).
- 2 Tekan ▲▼ untuk memilih satu penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
- 3 Jika anda memilih { **Personal** } (Peribadi), kemudian terus ke langkah 4~7.
→ Menu 'Personal Picture Setup' (Penetapan Gambar Peribadi) muncul.




- 4 Tekan ▲▼ untuk menyerlahkan salah satu daripada pilihan berikut.
 - { **Brightness** } (Kecerahan)
Meningkatkan nilainya akan mencerahkan lagi gambar atau sebaliknya. Pilih sifar (0) untuk penetapan biasa.
 - { **Contrast** } (Kejelasan)
Meningkatkan nilainya akan menajamkan gambar atau sebaliknya. Pilih sifar (0) untuk mengimbangi kejelasannya.
 - { **Tint** } (Seri Warna)
Meningkatkan nilainya akan menggelapkan gambar atau sebaliknya. Pilih sifar (0) untuk penetapan biasa.
 - { **Colour** } (Warna)
Meningkatkan nilainya akan meningkatkan warna di dalam gambar anda atau sebaliknya. Pilih sifar (0) untuk mengimbangi warnanya.
- 5 Tekan ◀▶ untuk melaras penetapan yang paling sesuai dengan kehendak anda.
- 6 Ulangi langkah 4~5 untuk melaras ciri-ciri warna yang lain.
- 7 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Mengakses Muka Keutamaan

- 1 Tekan **■** sebanyak dua kali untuk menghentikan mainan semula (jika ada), kemudian tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **◀ ▶** untuk memilih ikon 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.




Menu Audio, Sarikata, Cakera

Menu-menu ini mengandungi pelbagai pilihan bahasa untuk menu audio, sarikata dan cakera yang boleh dirakam pada DVD. Untuk keterangan lanjut, lihat muka surat 154.

Membataskan mainan semula oleh Kawalan Ibubapa

Sesetengah DVD mungkin mempunyai paras kawalan ibubapa yang diberikan kepada cakera yang lengkap atau kepada adegan tertentu pada cakera. Ciri ini membolehkan anda menetapkan paras batasan mainan semula.

- 1 Di 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran), tekan **▲ ▼** untuk menyerlahkan { **Parental** }, (Ibubapa), kemudian tekan **▶**.



- 2 Tekan **▲ ▼** untuk menyerlahkan paras penilaian untuk cakera yang dimasukkan dan tekan **OK**.
- 3 Gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk mengisi kata laluan enam angka (lihat muka surat 172 "Menukar kata laluan").
→ DVD yang mempunyai penilaian melebihi paras yang telah dipilih oleh anda tidak akan dimainkan kecuali anda memasukkan kata laluan enam angka.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Penerangan mengenai penilaian

1 Kid Safe – 2 G

– Penonton Umum; disarankan sebagai boleh diterima oleh penonton dari semua peringkat usia.

3 PG

– Panduan Ibulupa disarankan.

4 PG13

– Bahan tidak sesuai untuk kanak-kanak di bawah usia 13.

5 PGR – 6 R

– Panduan Ibulupa – Terbatas; disarankan ibulupa membataskan kanak-kanak di bawah 17 daripada menonton atau membenarkan mereka menonton hanya dengan penyeliaan ibulupa atau penjaga dewasa.

7 NC-17

– Tiada kanak-kanak di bawah usia 17; tidak disarankan untuk tontonan kanak-kanak di bawah usia 17.

8 Adult (DEWASA)

– Bahan untuk orang dewasa; harus ditonton oleh orang dewasa sahaja disebabkan bahan seks bergrafik, ganas atau bahasa.

Panduan Berguna:

- VCD, SVCD, CD tidak mempunyai tanda paras, oleh itu kawalan ibulupa tidak mempunyai kesan ke atas cakera jenis ini. Ini juga digunapakai untuk kebanyakan DVD haram.
- Sesetengah DVD tidak dikod dengan penilaian walaupun penilaian filem tersebut mungkin dicetak di atas penutup Cakera. Ciri paras penilaian tidak menghalang mainan Cakera seperti ini.

PBC

PBC (Kawalan Mainan Semula) membenarkan anda untuk memainkan CD Video secara interaktif, mengikut menu di paparan. Ciri ini hanya ada pada CD Video 2.0 dengan ciri kawalan mainan semula (PBC).

- 1 Di 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran), tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan { **PBC** }, kemudian tekan ►.

{ **On** } { Buka }

Pilih ini jika anda ingin memaparkan menu indeks sebaik saja anda memasukkan VCD.

{ **Off** } { Tutup }

Pilih ini untuk melangkau menu indeks dan mula mainan semula secara langsung.

- 2 Tekan ▲ ▼ untuk memilih penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Menu MP3/JPEG – buka/tutup

Navigator MP3/JPEG hanya boleh ditetapkan jika cakera tersebut dirakam dengan menu. Ia membenarkan anda untuk memilih menu paparan yang berbeza bagi pengemudian mudah.

- 1 Di 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran), tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan { **MP3/JPEG NAV** }, kemudian tekan ►.

{ **Without Menu** } (Tanap Menu)

Pilih ini untuk memaparkan semua fail yang mengandungi CD Gambar/MP3.

{ **With Menu** }

Pilih ini hanya untuk memaparkan menu folder CD Gambar/MP3.

- 2 Tekan ▲ ▼ untuk memilih penetapan dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Panduan Berguna:

- Apabila anda memasukkan cakera SACD, ciri ini akan dinyahkan secara automatik.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.


Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Pilihan Menu Penetapan DVD (bersambung)

Menukar Kata Laluan

Kata laluan yang sama digunakan untuk Kawalan Ibubapa dan Kunci Cakera. Isikan kata laluan enam angka untuk memainkan cakera terlarang atau jika kata laluan diminta. Kata laluan sedia ada ialah **136900**.

- 1 Di 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran), tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **Password** } (Kata Laluan), kemudian tekan **▶** untuk memilih { **Change** } (Tukar).



- 2 Tekan **OK** untuk memasuki 'Password Change' (Muka Surat Tukar Kata Laluan).



- 3 Gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk mengisi kata laluan enam angka lama anda.
→ Jika melakukan ini buat kali pertama, isikan **'136900'**.
→ Jika anda terlupakan kata laluan enam angka lama anda, isikan **'136900'**.
- 4 Isikan kata laluan enam angka yang baru.
- 5 Isikan kata laluan enam angka yang baru buat kali kedua untuk mengesahkan.
→ Kata laluan enam angka yang baru akan mula bertindak.
- 6 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Menetapkan fon Sarikata DivX

Anda boleh menetapkan jenis fon yang menyokong sari kata DivX yang direkodkan.

- 1 Dalam 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran), tekan **▲▼** untuk mencerahkan { **DivX Subtitle** }, kemudian tekan **▶**.

{ **Standard** }

Satu senarai fon sarikata Bahasa Inggeris disediakan oleh Pemain DVD ini.

{ **Others** }

Pilih ini untuk memaparkan fon sarikata yang lain.

- 2 Tekan **▲▼** untuk memilih satu penetapan, kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Mengekalkan semula penetapan asal

Menetapkan fungsi DEFAULT akan menetapkan semula semua pilihan dan penetapan peribadi anda ke 'default' kilang, kecuali katalaluan anda bagi Kawalan Ibubapa dan Kunci Cakera.

- 1 Di 'Preference Page' (Muka Surat Kegemaran), tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **Default** }, kemudian tekan **▶** untuk memilih { **Reset** }.

- 2 Tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Semua penetapan sekarang akan ditetapkan semula kepada 'default' kilang.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Menetapkan pemasa Tidur

Pemasa tidur membolehkan sistem untuk menukar kepada mod sedia Eco Power secara automatik pada masa pratetap.

- Tekan **SLEEP** pada alat kawalan jauh berulang kali sehingga ia mencapai masa tutup pratetap yang diinginkan.
→ Pilihannya adalah seperti berikut (masa dalam minit):
15 → 30 → 45 → 60 → OFF → 15...
→ Ikon 'SLEEP' akan ditunjukkan di panel paparan jika mod tidur diaktifkan.
→ Sebelum sistem menukar kepada mod sedia Eco Power, kiraan 10 saat dipaparkan.
"SLEEP 10" → "SLEEP 9"... →
"SLEEP 1" → "STANDBY"

Untuk membatalkan pemasa tidur

- Tekan **SLEEP** berulang kali sehingga "OFF" muncul atau tekan butang **STANDBY ON** (⏻).

Operasi Penala

PENTING!

Pastikan antena FM dan MW disambungkan.

Menala ke stesyen radio

- 1 Tekan **TUNER** pada alat kawalan jauh (atau tekan kawalan **SOURCE** di panel hadapan) untuk memilih "FM" atau "MW".
- 2 Tekan **▲▼** dengan pantas pada alat kawalan jauh.
→ Panel paparan akan menunjukkan "SEARCH" sehingga stesen radio dengan kekuatan isyarat yang mencukupi ditemui.
- 3 Ulangi langkah 2 jika perlu sehingga anda menemui stesen radio yang diinginkan.
- 4 Untuk menala stesyen yang lemah, tekan **◀/▶** dengan pantas dan berulang kali sehingga penerimaan yang optima ditemui.

Pratetap stesyen radio


Anda boleh menyimpan sehingga 40 stesyen radio FM dan 20 MW yang telah ditetapkan lebih awal di dalam memori.

Panduan Berguna:

- Sistem ini akan keluar daripada mod pratetap jika tiada butang ditekan dalam masa 20 saat.
- Jika tiada frekuensi yang sah dikesan semasa Pasang Palam dan Main, "PLEASE CHECK FM/MW ANTENNA" (PERIKSA FM/MW ANTENA) akan muncul.

Menggunakan Pasang Palam dan Main

Pasang Palam dan Main membenarkan anda untuk menyimpan semua stesyen radio yang ada secara automatik.




- 1 Untuk menetapkan kali pertama, tekan **TUNER**.
→ "AUTO INSTALL PRESS PLAY" akan muncul.
- 2 Tekan **PLAY ▶** sehingga "START..." muncul di panel paparan.
→ Sistem tersebut akan mula mencari jalur FM dan diikuti dengan jalur MW.
Semua stesen radio yang ada dengan kekuatan isyarat yang kuat akan disimpan secara automatik.
→ Sebaik saja selesai, stesyen radio yang paling akhir ditala akan dimainkan.

Operasi Penala (bersambung)

Pratetap secara automatik

Gunakan pratetap automatik untuk menyimpan atau menyimpan semula semua stesen radio pratetap.



- 1 Tekan **TUNER** pada alat kawalan jauh untuk memilih "FM" atau "MW".
- 2 Tekan dan pegang **PROG** sehingga "START..." muncul di panel paparan.
→ Semua pratetap sebelumnya akan dipadam.

Pratetap secara manual

Gunakan pratetap manual untuk menyimpan stesen radio kegemaran anda sahaja.

- 1 Talakan stesyen radio yang diinginkan (lihat "Menala ke stesyen radio").
- 2 Tekan **PROG**.
- 3 Tekan **◀◀ / ▶▶** untuk memilih nombor pratetap yang anda inginkan untuk menyimpan stesen radio semasa.
- 4 Tekan **PROG** sekali lagi untuk menyimpannya.

Memilih stesyen radio pratetap

- Tekan **TUNER** kemudian gunakan **◀◀ / ▶▶** pada alat kawalan jauh untuk memilih nombor pra tetap (atau gunakan papan kekunci huruf angka).
→ Jalur gelombang, nombor pratetap diikuti dengan frekuensi radio akan muncul.

Memadam stesyen radio pra tetap

- 1 Dalam mod penalaan, tekan **◀◀ / ▶▶** pada alat kawalan jauh untuk memilih stesyen radio pra tetap.
- 2 Tekan dan pegang **■** sehingga "FM / MW X DELETED" muncul.
→ "X" adalah nombor pratetap.
→ Stesen radio terus main tetapi telah dipadam daripada senarai pratetap.
→ Nombor stesyen radio pratetap yang lain kekal tidak berubah.

Menukar grid penalaan *(tidak ada untuk semua versi)*

Di sesetengah negara, langkah frekuensi di antara saluran berhampiran di dalam jalur MW/FM ialah 9 kHz/50 kHz (10 kHz/100 kHz di sesetengah kawasan). Langkah frekuensi pratetap di kilang ialah 9 kHz/50 kHz.

PENTING!

Menukar grid penalaan akan memadam semua stesyen radio pratetap yang disimpan sebelum ini.

- 1 Tekan **SOURCE** untuk memilih "FM" atau "MW".
- 2 Tekan **STANDBY ON** untuk menukar daripada DVD sistem kepada mod sedia Eco Power.
- 3 Tekan **STANDBY ON** sekali lagi untuk membuka sistem DVD dan pegang ke bawah butang **◀◀** di panel hadapan.
→ Paparan akan menunjukkan "GRID 9" atau "GRID 10".

Panduan Berguna:

- GRID 9 dan GRID 10 menandakan bahawa grid penalaan adalah mengikut 9 kHz and 10 kHz.

Kawalan Bunyi dan Volum

Pelarasan volum speaker individu

Anda boleh melaraskan kelewatan masa (tengah dan sekeliling sahaja) dan paras volum untuk speaker individu. Pelarasan ini membolehkan anda mengoptima bunyi mengikut sekeliling dan penetapan anda.

PENTING!


Tekan butang **SURR** pada alat kawalan jaun untuk memilih mod sekeliling berbilang saluran sebelum melaraskan penetapan speaker.

- 1 Tekan **■** dua kali untuk berhenti main semula, kemudian tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **▶** berulang kali untuk memilih { Audio Setup Page } (Muka Surat Penetapan Audio).
- 3 Tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **Speakers Volume** }, kemudian tekan **▶**.



- 4 Gunakan kekunci **◀▶** untuk menetapkan paras volum bagi setiap speaker (-6dB-+6dB).
- 5 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

- 6 Tekan **▲▼** untuk menyerlahkan { **Speakers Delay** }, kemudian tekan **▶**.



- 7 Gunakan kekunci **◀▶** untuk menetapkan masa kelewatan bagi speaker tengah dan belakang yang paling sesuai dengan keperluan bunyi sekeliling anda.
- 8 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Panduan Berguna:

- Peningkatan/pengurangan 1 ms masa kelewatan adalah sama dengan perubahan 30 sm dalam jarak.
- Gunakan penetapan kelewatan masa yang lebih lama apabila speaker sekeliling lebih dekat dengan pendengar dari speaker hadapan.
- Nada uji akan dihasilkan secara automatik untuk membantu anda menguji paras bunyi setiap speaker.

TIP: Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

Kawalan Bunyi dan Volum (bersambung)

Memilih bunyi sekeliling

- Tekan **SURR** untuk memilih:
Berbilang Saluran atau STEREO
→ Adanya pelbagai mod bunyi sekeliling bergantung kepada bilangan speaker yang digunakan dan bunyi yang ada pada cakera.
→ Speaker tengah dan sekeliling bertindak hanya di dalam mod sekeliling Berbilang saluran.
Adanya mod output bagi Berbilang saluran termasuk: Dolby Digital, DTS (Digital Theatre Systems)
Surround and Dolby Pro Logic II.
→ Penyiaran stereo atau rakaman akan menghasilkan sedikit kesan saluran sekeliling apabila dimainkan di dalam mod sekeliling. Walau bagaimanapun, sumber mono (bunyi satu saluran) tidak akan menghasilkan sebarang bunyi dari speaker sekeliling.

Panduan Berguna:

- Anda tidak boleh memilih mod bunyi surround jika menu penetapan sistem dibuka.

Memilih kesan bunyi digital

Pilih kesan bunyi digital pratetap yang sepadan dengan kandungan cakera anda atau yang mengoptimalkan bunyi gaya musik yang sedang dimainkan oleh anda.

- Tekan **SOUND** pada alat kawalan jauh.
Apabila memainkan cakera tayangan gambar atau di dalam mod TV, anda boleh memilih: CONCERT, DRAMA, ACTION atau SCI-FI.
Apabila memainkan cakera musik atau semasa di dalam mod TUNER atau AUX/DI, anda boleh memilih: ROCK, DIGITAL, CLASSIC atau JAZZ.

Panduan Berguna:

- Untuk output bunyi yang rata, pilih CONCERT atau CLASSIC.

Kawalan Volum

- Laraskan kawalan **VOLUME** (atau tekan **VOL + / -** pada alat kawalan jauh) untuk meningkatkan atau mengurangkan paras volum.
→ "VOL MIN" ialah paras minimum volum dan "VOL MAX" ialah paras maksimum volum.

Untuk menutup volum buat sementara

- Tekan **MUTE** di alat kawalan jauh
→ Mainan semula akan diteruskan tanpa bunyi dan "MUTE" muncul.
→ Untuk megekalkan volum semula, tekan **MUTE** sekali lagi atau tingkatkan paras volum.

Menyelesaikan masalah

AMARAN

Di dalam apa keadaan sekalipun, jangan cuba membaiki sendiri sistem ini, kerana ini akan membatalkan jaminannya. Jangan buka sistem ini kerana terdapat risiko kejutan elektrik.

Jika kerosakan berlaku, periksa dahulu perkara-perkara yang disenaraikan di bawah ini sebelum membawa sistem anda untuk dibaiki. Jika anda tidak dapat membetulkan masalah dengan panduan-panduan ini, rujuk kepada penjual anda atau Philips untuk mendapatkan bantuan.

Masalah

Penyelesaian

Tiada kuasa

- Periksa kod kuasa AC disambung dengan sempurna
- Tekan STANDBY ON di hadapan sistem DVD untuk menghidupkan kuasa.

Tiada gambar

- Rujuk kepada manual TV anda untuk pilihan saluran Video In yang betul. Tuka saluran TV sehingga anda melihat skrin DVD.
- Tekan DISC pada alat kawalan jauh.
- Jika ciri skan progresif diaktifkan tetapi TV yang disambungkan tidak menyokong isyarat progresif atau kabelnya tidak disambung dengan betul, lihat muka surat 155 bagi penetapan skan progresif yang sempurna atau menyahaktif ciri skan progresif seperti di bawah ini:
 - 1) Tutup mod skan progresif TV anda atau buka mod berjalın.
 - 2) Tekan OPEN CLOSE untuk membuka dulang cakera.
 - 3) Tekan ◀ pada alat kawalan jauh.
 - 4) Tekan MUTE pada alat kawalan jauh.

Gambar herot-benyot sepenuhnya atau gambar hitam/putih.

- Jika ini berlaku apabila anda menukar penetapan 'TV TYPE', tunggu selama 15 saat untuk pemulihan secara automatik.
- Jika ini berlaku apabila anda sedang membuka ciri skan progresif, tunggu selama 15 saat untuk pemulihan auto.
- Periksa sambungan video.
- Kadang-kala jumlah gambar herot-benyot yang sedikit mungkin muncul. Ini bukan satu kerosakan.
- Bersihkan cakera.

Nisbah aspek skrin tidak boleh ditukar walaupun anda telah menetapkan paparan TV.

- Nisbah aspek ditetapkan pada cakera DVD.
- Bergantung kepada TV, ia mungkin tidak boleh untuk menukar nisbah aspek tersebut.

Tiada bunyi atau bunyi terganggu

- Laraskan volum.
- Periksa sambungan speaker dan penetapan.
- Tekan butang SOURCE yang betul di alat kawalan jauh (misalnya TV atau AUX/DI) untuk memilih peralatan yang ingin didengar oleh anda melalui sistem DVD.
- Bunyi output di LINE OUT hanya didapati apabila volum pembesar suara direndahkan kepada paras suara 3 atau kurang daripada 1.

Tidak boleh mengaktifkan beberapa ciri seperti Sudut, Sarikata atau Audio berbilang bahasa.

- Ciri ini mungkin tidak ada pada DVD.
- Menukar bahasa untuk bunyi atau sarikata DVD dilarang.

Perlukan Bantuan? Kunjungi www.philips.com/support

Menyelesaikan masalah (bersambung)

Masalah	Penyelesaian
Tidak boleh memilih beberapa perkara di dalam menu penetapan/sistem.	<ul style="list-style-type: none"> – Tekan butang STOP sebanyak dua kali sebelum memilih menu penetapan/sistem. – Bergantung kepada kewujudan cakera, sesetengah perkara menu tidak boleh dipilih.
Pemain DVD tidak memulakan mainan semula.	<ul style="list-style-type: none"> – Masukkan cakera yang boleh dibaca dengan bahagian mainan semula menghadap ke bawah. DVD+R/CD-R mesti di'finalised'. – Periksa jenis cakera, sistem warna (PAL atau NTSC) dan kod rantau. – Periksa sebarang cakaran atau tompokan pada cakera. – Tekan SETUP untuk menghilangkan skrin menu setup. – Anda mungkin perlu memasukkan kata llauan bagi menukar paras penilaian kawalan ibubapa atau untuk membuka cakera untuk mainan semula. – Kelembapan telah meluwap di dalam sistem. Keluarkan cakera dan biarkan sistem terbuka selama sejam.
Tiada bunyi dari speaker tengah dan sekeliling.	<ul style="list-style-type: none"> – Pastikan speaker tengah dan sekeliling disambung dengan betul. – Tekan butang SURR untuk memilih penetapan bunyi sekeliling yang betul – Pastikan sumber yang dimainkan dirakam atau disiarkan dalam bunyi sekeliling (DTS, Dolby Digital, dll.).
Penerimaan radio kurang baik	<ul style="list-style-type: none"> – Jika isyarat terlalu lemah, laraskan antena atau sambungkan antena luar untuk penerimaan yang lebih baik. – Tingkatkan jarak di antara sistem dan TV atau VCR anda. – Tala ke frekuensi yang betul. – Letakkan antena jauh dari sebarang peralatan yang boleh menyebabkan bunyi bising.
Alat kawalan jauh tidak berfungsi dengan sempurna	<ul style="list-style-type: none"> – Pilih sumber (misalnya DISC atau TUNER) sebelum menekan butang fungsi (▶, ◀◀, ▶▶). – Kurangkan jarak di antara alat kawalan jauh dan sistem. – Gantikan bateri dengan yang baru. – Halakan alat kawalan jauh terus ke sensor IR. – Periksa bateri dipasang dengan betul.
Tidak boleh mainkan tayangan gambar DivX	<ul style="list-style-type: none"> – Periksa fail DivX dikod dalam mod 'Panggung Rumah' dengan pengkod DivX5.x.
Sistem DVD tidak berfungsi	<ul style="list-style-type: none"> – Cabutkan kod kuasa dari salur keluar kuasa untuk beberapa minit. Sambungkan semula kod kuasa dan cuba untuk menggunakannya seperti biasa.

Perlukan Bantuan? Kunjungi www.philips.com/support

Glosari

Analog: Bunyi yang belum ditukarkan kepada nombor. Ada pelbagai bunyi analog, sementara bunyi digital mempunyai nilai angka yang khusus. Bicu-bicu ini menghantar audio melalui dua saluran, yang kiri dan kanan.

Nisbah aspek: Nisbah saiz menegak dan mendatar imej yang dipaparkan. Nisbah mendatar berbanding menegak TV konvensional ialah 4:3, dan untuk skrin luas ialah 16:9.

Bicu AUDIO OUT: Bicu merah dan putih di belakang Sistem DVD yang menghantar audio ke sistem lain (TV, Stereo, dll.).

Kadar Bit: Jumlah data yang digunakan untuk memegang jangka yang diberikan untuk sesuatu musik, diukur dalam kilobit sesaat, atau kbps. Atau, kelajuan rakaman anda. Umumnya, lebih tinggi kadar bit, atau lebih tinggi kelajuan rakaman, lebih baik kualiti bunyinya. Walau bagaimanapun, kadar bit yang lebih tinggi menggunakan lebih banyak ruang pada sesebuah Cakera.

Bab: Bahagian-bahagian gambar atau musik pada DVD yang lebih kecil daripada tajuk. Tajuk terdiri daripada beberapa bahagian. Setiap bab diberikan nombor bab membolehkan anda untuk mencari bab yang dikehendaki.

Bicu Komponen Video Out: Bicu di belakang Sistem DVD yang menghantar video berkualiti tinggi ke TV yang mempunyai bicu Komponen Video In (R/G/B, Y/Pb/Pr, dll.).

Menu cakera: Paparan skrin disediakan untuk membolehkan pemilihan imej, bunyi, sari kata, berbilang sudut, dll. dirakam pada DVD.

DivX 3.11/4x/5x: Kod DivX ialah teknologi mampatan video berasaskan MPEG-4 yang masih menantikan paten, yang dimajukan oleh DivX Networks, Inc., yang boleh mengecilkan video digital kepada saiz kecil cukup untuk dihantar melalui internet, sambil mengekalkan kualiti visual yang tinggi.

Dolby Digital: Sistem bunyi sekeliling yang dimajukan oleh Dolby Laboratories yang mengandungi sehingga enam saluran audio digital (hadapan kiri dan kanan, sekeliling kiri dan kanan, tengah dan subwoofer).

Dolby Surround Pro Logic II: Ia adalah teknologi pentafsir kod matriks yang telah dipertingkatkan yang memberi arah dan ruang yang lebih baik pada bahan program Dolby Surround; memberi medan bunyi tiga dimensi yang lebih meyakinkan pada rakaman musik stereo boleh diubah; dan sangat sesuai untuk membawa pengalaman sekeliling kepada bunyi automotif. Sementara program sekeliling konvensional sesuai sepenuhnya dengan pentafsir kod Dolby Surround Pro Logic II, treklagu boleh dikod khusus untuk menggunakan kelebihan mainan semula Pro Logic II, termasuk saluran sekeliling kiri dan kanan yang berasingan. (Bahan seperti ini juga sesuai dengan pentafsir kod Pro Logic konvensional).

DTS: Sistem Teater Digital. Ini merupakan sistem bunyi sekeliling, tetapi berbeza daripada Dolby Digital. Format ini telah dimajukan oleh syarikat yang berbeza.

JPEG: Format gambar tegak yang paling lazim. Sistem mampatan data gambar tegak yang dicadangkan oleh Joint Photographic Expert Group, yang memaparkan pengurangan kecil pada kualiti imej walaupun dengan nisbah mampatan yang tinggi.

MP3: Format fail dengan sistem mampatan data bunyi. "MP3: adalah singkatan untuk "Motion Picture Experts Group 1 (atau MPEG-1) Audio Layer 3. Dengan menggunakan format MP3, satu CD-R atau CD-RW boleh mengandungi lebih kurang 10 kali lebih banyak data daripada CD biasa.

Berbilang saluran: DVD diformatkan supaya setiap trek bunyi menjadi satu lapangan bunyi. Berbilang saluran merujuk kepada struktur trek bunyi mempunyai tiga atau lebih saluran.

Kawalan ibubapa: Menghadkan mainan Cakera mengikut usia pengguna atau paras yang dihadkan bagi setiap negara. Hadnya berbeza di antara cakera; apabila ia diaktifkan, main semula akan dilarang jika paras perisian adalah lebih tinggi daripada paras yang ditetapkan oleh pengguna.

Kawalan mainan semula (PBC): Merujuk kepada isyarat yang dirakam pada CD video atau SVCD bagi mengawal mainan semula. Dengan menggunakan skrin menu yang dirakam pada CD Video atau SVCD yang menyokong PBC, anda boleh menikmati mainan semula dan pencarian interaktif.

Skan Progresif: Ia memaparkan semua garisan mendatar sesebuah gambar pada satu masa, sebagai bingkai isyarat. Sistem ini boleh menukar video yang dijalin daripada DVD kepada format progresif untuk sambungan ke paparan progresif. Ia meningkatkan resolusi menegak secara dramatik.

Kod rantau: Sistem yang membolehkan cakera dimainkan hanya di rantau yang ditentukan. Unit ini akan hanya memainkan cakera yang mempunyai kod rantau yang sesuai dengannya. Anda boleh menemui kod rantau unit anda dengan melihat label produk. Sesetengah cakera adalah sesuai dengan lebih dari satu rantau (atau SEMUA rantau).

S-Video: Menghasilkan gambar yang jelas dengan menghantar isyarat berasingan bagi kilauan dan warna. Anda boleh gunakan S-Video hanya jika TV anda mempunyai bicu S-Video In.

Super Audio CD (SACD): Format audio ini berdasarkan piawaian CD semasa tetapi termasuk jumlah maklumat yang lebih besar yang memberi kualiti bunyi yang lebih tinggi. Terdapat tiga jenis cakera: satu lapis, dua lapis dan cakera hibrid. Cakera hibrid mengandungi maklumat piawaian CD audio dan CD Super Audio.

Sekeliling: Sistem bagi mencipta lapangan bunyi tiga dimensi realistik penuh dengan realisme dengan menyusun berbilang speaker di sekeliling pendengar.

Tajuk: Bahagian terpanjang filem atau musik yang dipaparkan pada DVD. Setiap tajuk diberikan nombor tajuk, membolehkan anda untuk mencari tajuk yang dikehendaki.

Bicu VIDEO OUT: Bicu kuning di belakang sistem DVD yang menghantar video gambar DVD ke TV.

Spesifikasi

BAHAGIAN AMPLIFIER

Kuasa output	500W RMS
- Hadapan	75 W RMS / saluran
- Belakang	75 W RMS / saluran
- Tengah	100 W RMS
- Subwoofer	100 W RMS
Tindak Balas Frekuensi	20 Hz – 20 kHz / –3 dB
Nisbah Isyarat-ke-Bunyi	
Bising	> 62 dB (CCIR)
Sensitiviti Input	
- AUX In	1000 mV
- DIGITAL In	1 Vpp

BAHAGIAN PENALA

Kadar Penalaan	FM 87.5 – 108 MHz (50 kHz) MW 531 – 1602 kHz (9 kHz) MW 530 – 1700 kHz (10 kHz)
Sensitiviti Pelenyapan 26 dB	FM 20 dB MW 4 μ V/m
Nisbah Penolakan Imej	FM 25 dB MW 28 dB
Nisbah Penolakan IF	FM 60 dB MW 45 dB
Nisbah Isyarat-ke-Bunyi	FM 60 dB
Bising	MW 40 dB
Nisbah Penahanan AM	FM 30 dB
Gangguan Harmonik	FM Mono 3% FM Stereo 3% MW 5%
Tindak Balas Frekuensi	FM 180 Hz – 10 kHz / \pm 6 dB
Pengasingan Stereo	FM 26 dB (1 kHz)
Nilai Ambang Stereo	FM 23.5 dB

BAHAGIAN CAKERA

Jenis Laser	Semiconductor
Diameter Cakera	12cm / 8cm
Nyahkod Video	MPEG-2 / MPEG-1 / MPEG-4 / DivX 3.11, 4 & 5 12 Bit
DAC Video	12 Bit
Sistem Isyarat	PAL / NTSC
Format Video	4:3 / 16:9
Video S/N	74 dB
Output Video Komposit	1.0 Vp-p, 75 Ω
Output S-Video	Y - 1.0 Vp-p, 75 Ω C - 0.286 Vp-p, 75 Ω
DAC Audio	24 Bit / 192 kHz
Tindak Balas Frekuensi	4 Hz – 20 kHz (44.1 kHz) 4 Hz – 22 kHz (48 kHz) 4 Hz – 44 kHz (96 kHz)
PCM	IEC 60958
Dolby Digital	IEC 60958, IEC 61937
DTS	IEC 60958, IEC 61937

UNIT UTAMA

Kadar Bekalan Kuasa	110 – 127V / 220 – 240V; 50/60Hz boleh ditukar
Penggunaan Kuasa	100 W
Eco Power Kuasa	< 0.5 W
Dimensi (l x t x d)	360 mm x 54 mm x 324 mm
Berat	2.7 kg

SPEAKER HADAPAN/SPEAKER BELAKANG

Sistem	2-hala, sistem peti tertutup
Halangan	6 Ω
Pemacu speaker	1 x 76mm (3") woofer + 1 x 18mm "cone dome tweeter"
Tindak Balas Frekuensi	120 Hz – 12.5 kHz
Dimensi (l x t x d)	94 mm x 175 mm x 65 mm
Berat	0.58 kg/setiap satu

SPEAKER TENGAH

Sistem	2-hala, sistem peti tertutup
Halangan	3 Ω
Pemacu speaker	1 x 76mm (3") woofer + 1 x 18mm "cone dome tweeter"
Tindak Balas Frekuensi	120 Hz – 12.5 kHz
Dimensi (l x t x d)	225 mm x 94 mm x 75 mm
Berat	0.78 kg

AV SUBWOOFER

Halangan	3 Ω
Pemacu speaker	152mm (6") woofer
Tindak Balas Frekuensi	30 Hz – 120 Hz
Dimensi (l x t x d)	360 mm x 340 mm x 130 mm
Berat	3.92 kg

Spesifikasi tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Language Code

Abkhazian	6566	Inupiaq	7375	Pushto	8083
Afar	6565	Irish	7165	Russian	8285
Afrikaans	6570	Íslenska	7383	Quechua	8185
Amharic	6577	Italiano	7384	Raeto-Romance	8277
Arabic	6582	Ivrit	7269	Romanian	8279
Armenian	7289	Japanese	7465	Rundi	8278
Assamese	6583	Javanese	7486	Samoan	8377
Avestan	6569	Kalaallisut	7576	Sango	8371
Aymara	6589	Kannada	7578	Sanskrit	8365
Azerhijani	6590	Kashmiri	7583	Sardinian	8367
Bahasa Melayu	7783	Kazakh	7575	Serbian	8382
Bashkir	6665	Kernewek	7587	Shona	8378
Belarusian	6669	Khmer	7577	Shqip	8381
Bengali	6678	Kinyarwanda	8287	Sindhi	8368
Bihari	6672	Kirghiz	7589	Sinhalese	8373
Bislama	6673	Komi	7586	Slovensky	8373
Bokmål, Norwegian	7866	Korean	7579	Slovenian	8376
Bosanski	6683	Kuanyama; Kwanyama	7574	Somali	8379
Brezhoneg	6682	Kurdish	7585	Sotho; Southern	8384
Bulgarian	6671	Lao	7679	South Ndebele	7882
Burmese	7789	Latina	7665	Sundanese	8385
Castellano, Español	6983	Latvian	7686	Suomi	7073
Catalán	6765	Letzeburgesch;	7666	Swahili	8387
Chamorro	6772	Limburgan; Limburger	7673	Swati	8383
Chechen	6769	Lingala	7678	Svenska	8386
Chewa; Chichewa; Nyanja	7889	Lithuanian	7684	Tagalog	8476
中文	9072	Luxembourgish;	7666	Tahitian	8489
Chuang; Zhuang	9065	Macedonian	7775	Tajik	8471
Church Slavik; Slavonic	6785	Malagasy	7771	Tamil	8465
Chuvash	6786	Magyar	7285	Tatar	8484
Corsican	6779	Malayalam	7776	Telugu	8469
Česky	6783	Maltese	7784	Thai	8472
Dansk	6865	Manx	7186	Tibetan	6679
Deutsch	6869	Maori	7773	Tigrinya	8473
Dzongkha	6890	Marathi	7782	Tonga (Tonga Islands)	8479
English	6978	Marshallese	7772	Tsonga	8483
Esperanto	6979	Moldavian	7779	Tswana	8478
Estonian	6984	Mongolian	7778	Türkçe	8482
Euskara	6985	Nauru	7865	Türkmen	8475
Ελληνικά	6976	Navaho; Navajo	7886	Twi	8487
Faroese	7079	Ndebele, North	7868	Uighur	8571
Français	7082	Ndebele, South	7882	Ukrainian	8575
Frysk	7089	Ndonga	7871	Urdu	8582
Fijian	7074	Nederlands	7876	Uzbek	8590
Gaelic; Scottish Gaelic	7168	Nepali	7869	Vietnamese	8673
Gallegan	7176	Norsk	7879	Volapuk	8679
Georgian	7565	Northern Sami	8369	Walloon	8765
Gikuyu; Kikuyu	7573	North Ndebele	7868	Welsh	6789
Guarani	7178	Norwegian Nynorsk;	7878	Wolof	8779
Gujarati	7185	Occitan; Provençal	7967	Xhosa	8872
Hausa	7265	Old Bulgarian; Old Slavonic	6785	Yiddish	8973
Herero	7290	Oriya	7982	Yoruba	8979
Hindi	7273	Oromo	7977	Zulu	9085
Hiri Motu	7279	Ossetian; Ossetic	7983		
Hrvatski	6779	Pali	8073		
Ido	7379	Panjabi	8065		
Interlingua (International)	7365	Persian	7065		
Interlingue	7365	Polski	8076		
Inuktitut	7385	Português	8084		